

Institut baru bangunkan teknologi digital

SATU institut penyelidikan baru bagi membangunkan teknologi digital yang bertujuan membantu syarikat kekal berdaya saing dalam era digital telah dilancarkan semalam.

Institut Fraunhofer Singapore merupakan kerjasama antara Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Fraunhofer Gesellschaft, sebuah institusi Jerman untuk penyelidikan gunaan.

Ia akan terletak di kampus NTU.

Penyelidikan institut itu memberi tumpuan kepada teknologi digital seperti realiti 'augmented' alam maya (VR dan AR), mesin-manusia dan pengimejan perubatan.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Industri), Encik S. Iswaran, yang melancarkan pembukaan institut itu semalam berkata institut Fraunhofer Singapore berdasarkan kerjasama selama dua dekad antara Fraunhofer Gesellschaft dan NTU.

"Teknologi pendigitalan akan menjadi kunci dalam membantu syarikat kita merebut peluang baru dan kekal relevan dalam landskap ekonomi global yang pesat berubah.

"Fraunhofer akan bina daripada penyelidikan gunaan yang sedia ada dalam media interaktif dan digital bagi membangunkan penyelesaian teknologi terkini dan bekerjasama dengan syarikat kita untuk memanfaatkan peluang baru dalam ruang digital," kata Encik Iswaran.

Projek institut itu termasuk teknologi AR dan VR yang membolehkan jurutera menjalankan diagnostik ke atas mesin menggunakan tablet atau melihat produk dalam VR dari sudut yang berbeza menggunakan cermin mata VR sebelum memulakan pengeluaran.

Institut itu disokong oleh pembiayaan daripada rakan kongsi industri dengan pembiayaan Yayasan Penyelidikan Nasional (NRF) sebanyak sehingga \$23 juta sehingga 2020 bagi projek penyelidikan dan pembangunan.